



## MAJLIS PELANCARAN PROJEK MERDEKA MURAL PANGSAPURI ANGSANA SUBANG JAYA OLEH YBHG. DATO' SRI KETUA SETIAUSAHA KPKT



Pada 9 Ogos 2019, seramai 10 orang artis dari "The Art Market" telah bergabung bagi menyiapkan 100 dinding di Pangsapuri Angsana. Antara blok yang terlibat adalah blok D dan blok F yang mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan untuk disiapkan. Sebanyak RM 150,000 modal telah digunakan bagi melaksanakan projek mega ini dan dijangka mampu menjadi pemangkin perubahan sikap masyarakat supaya lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan dan menghargai harta awam.

Program ini telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek. Turut hadir dalam majlis ini adalah Ahli Dewan Negeri Subang Jaya, Michelle Ng Mei Sze. Semasa ucapan perasmian, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek memuji usaha Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam membangunkan komuniti secara inklusif bagi mencapai kesejahteraan hidup dan pembangunan mampan. Malah usaha ini wajar dicontohi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain.



Selain daripada itu, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek turut menekankan bahawa projek ini mampu menjadi daya tarikan yang unik terutamanya bagi pelancong, malah boleh dijadikan tempat sesi fotografi bagi pasangan pengantin.

Menariknya program ini, bukan sahaja pelukis yang mengambil bahagian akan tetapi penduduk tempatan juga dijemput untuk sama-sama bagi menyiapkan projek mural ini. Oleh hal yang demikian, mereka dapat menghargai hasil titik peluh mereka dan dapat menghargai hasil karya orang lain.

Pihak MPSJ menyokong inisiatif ini dan turut menitikberatkan penglibatan penghuni di pangsapuri kos rendah dalam usaha mewujudkan rasa tanggungjawab dan kebersamaan terhadap pengurusan dan penyelenggaraan harta. Diharapkan program ini mampu memberi impak yang positif kepada masyarakat untuk menjaga persekitaran tempat tinggal supaya sentiasa bersih dan harmoni.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat